

## Classtools: Fun Learning in Philosophy and Current Issues

**Siti Fathihah Abd Latif\*, Shahidatul Maslina Mat Sood, Lena Ramamurthy, Syakirah Shafien & Noor Syamimie Mohd Nawi**

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*Corresponding author's email: fathihah.al@umk.edu.my

### Abstract

*Pengenalan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bermula sejak tahun 2013. Sejajar dengan keperluan semasa, kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) serta Penghayatan Etika dan Peradaban pula dilaksanakan bermula pada sesi 2019/2020. Keperluan mengikuti kursus MPU ini turut tertakluk kepada pelajar antarabangsa di IPT. Walau bagaimanapun, usaha dalam menjadikan kursus MPU sebagai kursus yang menarik, meningkatkan pemahaman dan mampu memberi kesan dalam pembangunan diri pelajar merupakan antara cabaran utama kepada pengajar. Pada masa yang sama, selari dengan Revolusi 4.0 dalam pendidikan, pengajaran juga harus tertumpu kepada penggunaan teknologi digital yang lebih bersifat interaktif dan fleksibel. Kajian ini bertujuan meneliti kesan penggunaan permainan interaktif dalam pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa kepada pelajar antarabangsa. Kajian ini mengetengahkan penggunaan aplikasi Classtools di dalam kursus FIS sebagai strategi meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar antarabangsa bagi mengikuti kursus MPU tersebut. Dapatkan kajian mendapat bahawa tahap pemahaman pelajar lebih dengan penggunaan permainan interaktif sekaligus mengukuhkan daptan kajian lepas bahawa pengajar dan kaedah pengajaran kreatif mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap kursus MPU dalam kalangan pelajar IPT.*

**Kata kunci:** Mata pelajaran Umum, Falsafah dan Isu Semasa, Classtools, interaktif, pengajaran dan pembelajaran

### Latar Belakang Inovasi

Kajian lepas membuktikan kemampuan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) dalam pembangunan insan para pelajar (Zarina et al., 2010; Faridah Che Husain & Fakhruladabi, 2012). Justeru, kursus MPU juga turut ditawarkan kepada para pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi memandangkan manfaat yang dapat diperoleh. Bagi kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) pula, kursus MPU tersebut mula diperkenalkan pada sesi 2019/2020 oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Universiti Malaysia Kelantan menjadi antara universiti terawal menawarkan kursus tersebut kepada para pelajar termasuklah kepada pelajar antarabangsa (Noor Hisham, 2021). Bermula daripada penyediaan modul kursus dalam Bahasa Melayu, barisan pengajar turut bertanggungjawab dalam menyediakan slaid pengajaran dalam bahasa Inggeris bagi keperluan pelajar antarabangsa. Kini, keperluan kepada pembelajaran teradun, pembelajaran dalam talian semakin mendesak terutamanya apabila dunia dilanda pandemik COVID 19 yang semestinya turut memberi kesan dalam bidang pendidikan (Subedi et al., 2020). Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian menjadi antara pilihan utama pada pengajar termasuk kursus FIS di institusi pengajian seperti UMK. Walau bagaimanapun,


pembelajaran dalam talian mendatangkan cabaran baharu kepada para pendidik. Antaranya ialah usaha bagi memastikan para pelajar bukan sahaja mampu mengekalkan hubungan dengan pengajar sewaktu pengkuliahan, malahan keberkesanan pengajaran secara dalam talian juga menjadi isu yang dibincangkan oleh barisan pendidik. Wallace (2003) menghujahkan bahawa ‘kehadiran’ pengajar sangat signifikan dalam memastikan interaksi bersama pelajar dapat berlaku termasuklah dalam persekitaran pembelajaran dalam talian. Hal yang sama dibincangkan dalam kajian oleh Ishak (2009) yang menghujahkan bahawa sebanyak 74% - 85% pelajar bersetuju bahawa pensyarah memainkan peranan dan membantu semasa proses pembelajaran pelajar. Penelitian terhadap kursus MPU misalnya oleh Hairol Anuar et al. (2018) dan Nurul Farhanah et al. (2018) turut menyokong daptan kajian terdahulu bahawa terdapat kaitan antara persepsi pelajar terhadap pengajar dan maklum balas yang positif terhadap kaedah penilaian kursus MPU. Bagi kajian oleh Nurul Farhanah et al. (2018) pula membuktikan peranan pengajar dalam menerapkan persepsi positif terhadap pengambilan kursus MPU. Dapatan ini sangat kritikal memandangkan menurut Ku Hasnita Ku dan Mohd Haizam (2014), pengajaran yang kreatif mampu mengubah persepsi bahawa kursus MPU seperti FIS tidak hambar dan membosankan. Maka, antara strategi yang dicadangkan berdasarkan kajian-kajian tersebut ialah keperluan kepada pengajar untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran kursus MPU termasuklah FIS kepada pelajar tempatan dan antarabangsa. Abd. Rashid (2015) misalnya mencadangkan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (*student centered learning*) dan penggunaan e-pembelajaran (*e-learning*) sebagai antara aspek pengajaran yang perlu diberi perhatian oleh pengajar kursus MPU. Kajian oleh Ijon et al. (2021) pula mendedahkan keperluan untuk mempelbagaikan bahan pengajaran bagi kursus MPU seperti FIS agar mampu menarik minat pelajar. Penyediaan bahan pengajaran secara interaktif menjadi antara pilihan para pelajar berdasarkan kajian yang dilakukan. Sejajar dengan daptan kajian lepas, maka penghasilan aktiviti pengajaran kepada para pelajar antarabangsa di dalam platform *ClassTools* menjadi inisiatif bagi barisan pengajar kursus FIS.

### **Penerangan Mengenai Inovasi**

*ClassTools* merupakan aplikasi dalam laman sesawang yang memberi pilihan kepada pengajaran untuk menyediakan bahan pengajaran dalam bentuk interaktif. *ClassTools* menawarkan beberapa bentuk aktiviti di dalam platform tersebut seperti *Archive Games*, *Crossword Generator*, *The Vortex: sorting games*. Bagi meningkatkan pemahaman pelajar terhadap topik dalam modul FIS UMK, maka beberapa aktiviti telah dibina melalui *ClassTools*. Aktiviti *ClassTools* telah ditanam dalam platform e-pembelajaran universiti (ecampus@UMK) bagi membolehkan penglibatan dan kehadiran pelajar dalam aktiviti tersebut dipantau secara dalam sistem oleh pengajar. Pelajar diberikan bahan pengajaran dalam bentuk slaid dan modul terlebih dahulu sebelum menggunakan *ClassTools* dan sebagainya. Pada akhir pengkuliahan, maklum balas berkaitan penggunaan *ClassTools* dijalankan kepada pelajar antarabangsa yang mengambil kursus FIS bagi memenuhi keperluan kursus MPU untuk bergraduasi. Contoh aktiviti dalam *ClassTools* bagi kursus FIS terdapat dalam Rajah 1 manakala contoh maklum balas pelajar dalam soal selidik diberikan dalam Rajah 2.



Rajah 1: Contoh Aktiviti *ClassTools* bagi Kursus FIS



Rajah 2: Contoh Maklum Balas Pelajar Antarabangsa

### Signifikan Inovasi

**Pelajar:** Penggunaan *ClassTools* membantu pelajar memahami kandungan kursus FIS. Aktiviti yang disediakan melalui platform *ClassTools* bukan sahaja lebih menarik minat dan fokus pelajar tetapi fleksibiliti yang ditawarkan membolehkan pelajar memilih masa yang sesuai bagi menjawab aktiviti dalam *ClassTools*. Kebebasan ini turut meliputi pemilihan gadjet yang digunakan pakai sama ada telefon bimbit, komputer riba dan sebagainya. Pelajar juga dibenarkan mengulang kaji aktiviti berulang kali dan mampu memberikan pemahaman yang lebih baik dari masa ke semasa berkaitan kandungan kursus FIS. Prestasi pelajar dalam setiap aktiviti yang dijalankan boleh

dipantau melalui *Scoreboard* yang disediakan dalam *ClassTools*.

**Pengajar:** Pengajar berkemampuan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan bahan pengajaran selain daripada kaedah pengajaran tradisional sekaligus mengubah persepsi hambar terhadap kursus MPU dalam kalangan pelajar. *ClassTools* yang dapat ditanam (*embedded*) dalam platform e-pembelajaran juga membolehkan pemantauan terhadap penglihatan pelajar dalam dilakukan.

### **Impak Inovasi Terhadap Pendidikan Atau Komuniti**

Melalui penggunaan *ClassTools* ini diharapkan pelajar dapat meneliti kepelbagaian kaedah pengajaran serta kepentingan kreativiti dan inovasi dalam pendidikan dan kehidupan secara umum. Griffith (2014) misalnya menghujahkan bahawa selaku pendidik, menjadi tanggungjawab besar bagi memotivasi pelajar, memupuk kreativiti dan imaginasi para pelajar. Para pelajar inilah yang akan menjadi bukti keberkesanan kursus FIS dan MPU lain sekali gus mengubah persepsi negatif terhadap kursus-kursus MPU dalam kalangan segelintir ahli masyarakat. (Azizi, 2022) Secara umumnya, penggunaan *ClassTools* sebagai pembelajaran interaktif juga bagi mempromosikan kaedah pengajaran menggunakan platform digital, di samping kaedah konvensional.

### **Potensi Komersialisasi**

Penggunaan *ClassTools* dapat dikomersialkan dalam kalangan institusi dalam dan luar negara. Hal ini dapat dilakukan misalnya melalui penghasilan kompilasi bahan pengajaran FIS secara interaktif dalam bentuk modul latihan digital atau juga buku elektronik interaktif. Penggunaan Kod QR boleh dimasukkan dalam buku elektronik tersebut. Pemasaran bahan tersebut membuka peluang kepada pengajar untuk menerapkan pengajaran interaktif dalam kursus FIS dan kursus MPU yang lain. Bahkan penggunaan *ClassTools* tidak hanya terbatas kepada kursus FIS, tetapi turut merangkumi kursus-kursus selain kursus MPU.

### **Kesimpulan**

Melalui penggunaan *ClassTools* ini diharapkan lebih membuka ruang dan peluang kepada kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi kursus MPU di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Hal ini sekaligus memberi persepsi positif terhadap pengenalan kursus MPU seperti FIS dalam kalangan pelajar tempatan dan antarabangsa. Pada masa yang sama turut meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kandungan kursus FIS serta kemahiran digital pengajar dan pelajar.

### **Penghargaan**

Projek ini telah ditaja oleh Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam projek.

### **Rujukan**

- Baba, I. (2012). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dan Kaitannya terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Din, H. A. H. M., Jodi, K. H. M., & Hussain, F. C. (2018). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Pengajian Malaysia: Kajian Tinjauan di Universiti Islam Antara

- Bangsa Selangor. *Community: Pengawas Dinamika Sosial*, 3(2).
- Halim, A. R. A. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam: Satu Tinjauan terhadap Persepsi Pelajar-Pelajar Jurusan Kejuruteraan Teknologi di Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Spanish Institute. In *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCasic*, 3.
- Husain, F. C., & Kadir, F. A. A. (2012). Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia (Contribution of the Islamic and Asia Civilization (TITAS) towards Holistic Formation of Students). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 15-35.
- Ijon, R., Latif, S. F.A., Razak, A. A., & Shaari, A. A. H. (2021). Pembangunan Insan dalam Mata Pelajaran Umum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Malaysia Kelantan. In *Proceeding Seminar Mata Pelajaran Umum Peringkat Kebangsaan (SeMUKE 1)*, 48-62.
- Muhammad, Z., Jawan, J., Ahmad, Z., & Othman, N. (2010). Kesan Penawaran Kursus Umum Universiti ke atas Pelajar-Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 11, 73-89.
- Nasir, N. F. M. (2019). Keberkesanan Kursus Matapelajaran Umum (MPU) dalam Memperkasa Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 85-96.
- Nawi, N. H. M. (2021). *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Kota Bharu: Penerbit UMK.
- Samsu, K. H. K., & Nor, M. H. M. (2011). Kepentingan Pendidikan Patriotisme terhadap Warganegara Malaysia (The Importance of Patriotic Education for Malaysian Citizens). *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 16, 23-34.
- Subedi, S., Nayaju, S., Subedi, S., Shah, S. K., & Shah, J. M. (2020). Impact of e-learning during COVID-19 Pandemic among Nursing Students and Teachers of Nepal. *International Journal of Science and Healthcare Research*, 5(3), 68-76.
- Wallace, R. M. (2003). Online Learning in Higher Education: A Review of Research on Interactions among Teachers and Students. *Education, Communication & Information*, 3(2), 241-280.